

**GARIS PANDUAN
PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS
KENDERAAN DI BAWAH RETURNING EXPERT PROGRAMME (REP)**

Pengenalan

Peserta REP layak mendapat pengecualian **duti import dan duti eksais terhadap kepada RM150,000** ke atas **sebuah kenderaan persendirian** yang dibawa balik dari luar negara (CBU) atau pembelian kenderaan pemasangan tempatan (CKD).

1. Kriteria Kelayakan

- (i) Pemohon *diluluskan di bawah REP oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)*;
- (ii) Kenderaan yang hendak diimport/dibeli hendaklah **didaftarkan atas nama pemohon**. Hanya **sebuah** kenderaan layak diberi pengecualian duti/cukai;
- (iii) Permohonan hendaklah dibuat dalam **tempoh sah laku kelulusan** yang ditetapkan oleh TalentCorp;
- (iv) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar hak milik dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh kenderaan didaftarkan. Penjualan atau penukaran hak milik kenderaan **sebelum tempoh 2 tahun** perlu mendapat kebenaran Kementerian Kewangan;
- (v) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar hak milik tanpa membayar balik duti/cukai mengikut kiraan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- (vi) Pelanggaran mana-mana syarat kelulusan yang ditetapkan oleh TalentCorp boleh menyebabkan status pengecualian ini ditarik balik dan duti/cukai yang dikecualikan hendaklah dibayar sepenuhnya berdasarkan kiraan asal oleh JKDM; dan
- (vii) Bagi pembelian kenderaan jenis pemasangan tempatan, hendaklah dibeli daripada stok yang belum dibayar duti/cukai.

2. Dokumen-Dokumen Yang Diperlu Disertakan (perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A atau Pesuruhjaya Sumpah)

- (i) Salinan Surat Keputusan Mesyuarat Daripada Talent Corp;
- (ii) Salinan Surat Akuan Kembali Daripada Talent Corp;
- (iii) Salinan Penyata Gaji Bulanan terkini;
- (iv) Salinan lesen memandu (muka depan dan belakang);
- (v) Salinan kad pengenalan (muka depan dan belakang);

- (vi) Dokumen tambahan bagi kenderaan CKD;
 - Surat pengesahan harga kenderaan dan cukai berbayar daripada pengedar kenderaan yang sah; dan
 - Surat pengesahan bagi nombor enjin dan nombor chasis kenderaan daripada pengedar kenderaan yang sah.

 - (vii) Dokumen tambahan bagi kenderaan CBU;
 - Salinan Permit Import (AP) Yang Dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
 - Salinan Taksiran Duti/Cukai Kenderaan Daripada Kastam;
 - Salinan Geran Kenderaan; dan
 - Salinan Invois Pembelian Kenderaan.
3. Permohonan boleh dikemukakan secara atas talian (*online*) melalui sistem <https://mycukai.treasury.gov.my/portal>
4. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai : Puan Zubaidah Binti Shabudin
No. Tel : 03 - 8882 4638
Email : zubaidah.shabudin@treasury.gov.my

Nama Pegawai : Puan Siti Farah Arbaain
Tel : 03 - 8882 3373
Emel : farah.arbaain@treasury.gov.my